

Dr. M: Sistem

sosialis

hanya bawa

kerugian

KUALA LUMPUR, Rabu — Pelaksanaan ekonomi Bumiputra dan Dasar Ekonomi Baru melalui sistem sosialis akan hanya membawa kerugian kepada negara dan Bumiputra, kata Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Oleh itu, katanya, kerajaan tidak akan mengambil alih perniagaan-perniagaan besar yang sedang berjalan dan menyerahkannya kepada Bumiputra pada satu masa kelak.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, negara-negara yang memilih jalan demikian mendapati bahawa perusahaan yang diambil alih biasanya menjadi bankrap.

Di negara ini juga, tambahnya, banyak perniagaan dan perusahaan yang dimiliki oleh kerajaan dan diurus oleh kakitangan awam mengalami kegagalan.

Dr. Mahathir menjelaskan perkara ini ketika menggulung perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian semasa perbahasan titah ucapan Timbalan Yang Dipertuan Agung di Dewan Rakyat.

Wakil Nilam Puri, Datuk Haji Mohd Asri membangkitkan kadar pencapaian dasar ekonomi yang begitu lembab dan khuatir matlamat 30 peratus penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian tidak akan dicapai.

Datuk Haji Mohd. Asri berkata, sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, pencapaiannya hanya 7 peratus atau 0.8 peratus setahun dan bererti pada 1980, jumlah pencapaian hanya 17.5 peratus.

Dr. Mahathir berkata,

dalam deraf itu dan Jemaah Menteri telah mengarahkan satu deraf yang lebih sesuai dan kemas disediakan dan ia akan dipertimbangkan dengan secepat mungkin.

Dr. Mahathir menolak dakwaan bahawa kelewatan itu kerana kerajaan mendapat tentangan dari pihak tertentu.

Mengenai cadangan Dr. Tan Chee Khoo (Kepong) supaya Akta Penyelaraaan Perindustrian 1975 dibatalkan, Dr. Mahathir berkata, syor itu tidak dapat

Wakil dari Kuala Ke-
rai, Encik Mohd. Zahari
Awang mencadangkan
kerajaan mengambil
alih perniagaan-per-
niagaan seperti per-
lombongan, pembinaan,
pemborongan, pengeda-
ran dan sebagainya bagi
memudahkan per-
niagaan tersebut dise-
rahkan kepada Bumipu-
tra satu hari nanti.

Perbuatan itu, jelas
Dr. Mahathir, sangat di-
gemari oleh penganut-
penganut sosialisma dan
nasionalisma.

"Malangnya mana-
mana negara yang me-
milih jalan yang nam-
paknya mudah ini, ak-
hirnya mendapati hasil-
nya jauh berbeza dari
yang dijangkakan.

"Perusahaan-peru-
sahaan yang diambil alih
biasanya bankrap," te-
gasnya.

Bankrap

Apa yang penting,
kata Dr. Mahathir ialah
pengurusan yang cekap.

Menurut Timbalan
Perdana Menteri, wakil
dari PAS itu tentu lebih
maklum, di waktu Ke-
lantan di bawah PAS bu-
kan saja perusahaan
asing tidak diambil alih,
tapi sebahagian besar
dari negeri itu diberi ke-
pada bukan Bumiputra
dan pengusaha luar ne-
geri untuk diusahakan.

"Ini menunjukkan
wakil itu sendiri tidak
begitu yakin kepada ca-
dangan yang dibuatnya
itu," ujarinya.

"Walau pun pada awal
jangka masa yang ditetap-
kan hanya mencapai secara
purata 1 peratus setahun,
tapi kementerian percaya
dalam masa 12 tahun akan
datang pencapaian ini akan
menjadi lebih pesat.

"Memanglah dalam pe-
laksanaan sesuatu polisi da-
lam ekonomi yang berkem-
bang, kadar pencapaian di
peringkat awal adalah ber-
lawanan, tapi kadar ini
akan meningkat seterusnya.

"Kementerian yakin ba-
hawa matlamat 30 peratus
Dasar Ekonomi Baru akan
dicapai pada tahun 1980,"
jelasnya.

Dr. Mahathir menjelas-
kan, peratusan pencapaian
yang dinyatakan oleh wakil
Nilam Puri itu hanyalah
bagi sektor corporate.

Aktiviti-aktiviti per-
dagangan dan per-
industrian pula dalam sek-
tor bukan corporate di
mana terdapat 61,771 buah
syarikat atau pun 23.7 per-
atus daripada syarikat-sya-
rikat yang didaftarkan den-
gan pendaftar perniagaan,
adalah dimiliki dan diusa-
hakan oleh Bumiputra.

Berhubung dengan Rang
Undang-undang Per-
badanan Kemajuan Filem
Nasional yang ditimbulkan
oleh wakil dari Permatang
Pauh, Encik Ariffin Daud
dan Encik Shaari Jusoh
(Kangar), Dr. Mahathir
menerangkan:

Meningkat

Deraf awal Rang
Undang-undang tersebut te-
lah pun dibentangkan kepa-
da Jemaah Menteri.

Bagaimana pun, ka-
tanya, setelah dikaji terda-
pat beberapa kelemahan

di terima.

"Kerajaan sedar, ka-
tanya, kebimbangan dan
kekhawatiran sektor swasta
terhadap pelaksanaan akta
itu dan dengan itu telah pun
mengambil langkah tertentu
termasuk membuat be-
berapa pindaan.

Pelaksanaan akta itu, je-
lasnya, tidak akan menim-
bulkan satu keadaan yang
boleh menjejaskan dasar kera-
jaan untuk meningkatkan
pelaburan tempatan dan
asing.

Mengenai cadangan En-
cik Oo Gin Sun (Alor Se-
tar) supaya kerajaan ber-
tindak balas terhadap Aus-
tralia dan New Zealand
yang menyekat kemasukan
barangan eksport kita ke
negara tersebut, Dr. Maha-
thir berkata:

Kerajaan sedar sekatan
barang-barang eksport dari
negara ini yang dikenakan,
terutama oleh Australia.

Untuk mengatasi masa-
lah ini, kerajaan telah
membuat perwakilan di
berbagai peringkat rasmi,
termasuk peringkat terting-
gi di mana Perdana Menteri
telah berbincang dengan
Perdana Menteri Australia
baru-baru ini.